

Tun Fatimah Hashim (1924-2010)

Belasungkawa

Oleh Sariha Mohd Ali
sariha@bharian.com.my

AIRMATANYA mengalir tatkala Tunku Abdul Rahman Putra melaukan perkataan keramat 'Merdeka' pada pagi bersejarah 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka. Bagi Tun Fatimah Hashim, yang ketika itu menjadi Ketua Pergerakan Kaum Ibu Tanah Melayu (kini Pergerakan Wanita Umno), kegembiraannya dizahirkan dengan tangisan kesyukuran atas kejayaan meraih kemerdekaan negara selepas berjuang mendapatkan kebebasan tanpa berlaku pertumpahan darah.

Beliau mengakui sukar membayangkan perasaannya ketika berdiri dalam barisan kepimpinan parti bagi menyaksikan majlis bersejarah itu, malah seakan tidak percaya melihat negara akhirnya mencapai kemerdekaan. Kesukaran yang dialami sepanjang usaha mendapatkan kemerdekaan seakan tergambar satu persatu tetapi semangat untuk memperjuangkan usaha itu bersama rakyat dan Tunku Abdul Rahman serta pemimpin lain tidak pernah luntur sama sekali.

Dilahirkan di Parit Kurma, Muar, Johor, Fatimah menyertai Umno pada 1947 ketika berusia 21 tahun dengan hasrat meningkatkan taraf hidup rakyat miskin, selain tidak sanggup melihat ramai wanita meninggal dunia ketika melahirkan anak disebabkan faktor kekurangan penjagaan dan kemudahan kesihatan ketika itu.

Beliau menganggotai Pergerakan Kaum Ibu Umno Cawangan Kampung Nong Chik, Johor Bahru dan memegai jawatan bendahari sebelum dilantik Setiausaha Kaum Ibu Cawangan Johor Bahru. Bagaimanapun, pada 1956, beliau mengikut suaminya, Allahyarham Tan Sri Abdul Kadir Yusof bertugas di Perak dan dipilih Ketua Pergerakan Kaum Ibu Negeri Perak, selain sebagai Ketua Wanita Bahagian Ipoh.

Apabila dilantik Ketua Pergerakan Kaum Ibu Tanah Melayu, Fatimah aktif memberi penjelasan mengenai perjuangan parti mendapatkan kemerdekaan hingga berjaya membawa wanita muda membabitkan diri dalam bidang politik, sekali gus menyertai Umno.

Pembabitannya dalam politik diteruskan dan pada 1959, beliau yang berpindah mengikut suami ke Kedah dipilih menjadi calon pilihan jaya bagi kawasan Jitra-Padang Terap dan dipilih menjadi Ahli Parlimen untuk tiga penggal berturut-turut. Pada 20 Mei 1969, Fatimah dilantik menjadi Menteri Kebajikan Am, sekali gus mencatat sejarah wanita pertama menjawat jawatan menteri kabinet dan


Tokoh nasionalis perjuangankan hak wanita



TUN FATIMAH (dua dari kiri) bersama Tun Abdul Razak Hussein dan Tunku Abdul Rahman pada mesyuarat khas Umno.



TUN FATIMAH menerima Anugerah Merdeka pada 2009.



KERANDA jenazah Tun Fatimah diusung untuk disemadi dalam istiadat pengebumian negara di Makam Pahlawan, semalam.

selepas empat tahun, beliau bersara pada Februari 1973.

Sebagai Menteri Kebajikan Am, beliau membuat banyak lawatan ke negara jiran, diundang memberi ucapan dan ceramah dalam seminar forum dan persidangan dalam dan luar negara. Lakaran kejayaannya tidak bernoktah di situ, malah Fatimah turut menjadi wanita pertama negara menerima Anugerah Panglima Mangku Negara (PMN) pada 31 Ogos 1958, pengasas serta Yang Dipertua (NCWO) bagi tempoh 1962-1989, Naib Presiden Umno tiga penggal (1963-1967) dan dipilih sebagai seorang daripada empat rakyat Malaysia yang terkemuka dan cemerlang untuk menerima Anugerah Merdeka bagi kategori Pendidikan dan Komuniti (2009).

Bekas Ketua Wanita Umno, Tan Sri Aishah Ghani menyifatkan Al-

Tun Fatimah Hashim

- Lahir: 25 Disember 1924
- Asal: Kampung Parit Kurma, Muar, Johor.
- Sekolah: Sekolah Laki-Laki Parit Kurma; Sekolah Perempuan Mersing; Sekolah Latihan Guru.
- Suami: Allahyarham Tan Sri Abdul Kadir Yusof (bekas Menteri Undang-Undang; Menteri Tanah dan Peguam Negara)
- Keluarga: Enam anak, 19 cucu dan 11 cicit.
- Anak
 - Datin Mariam (bekas Ketua Pengarah Perpustakaan Negara);
 - Mohamed Shah (bekas Pengerusi Eksekutif dan Rakan Niaga McDonald's Malaysia);
 - Datuk Prof Dr Khalid (bekas Dekan Fakulti Perubatan UKM yang kini Dekan Perubatan Universiti Monash Malaysia);
 - Datuk Ali (Pengerusi Dubai Investment Group);
 - Abdul Karim (bekas penasihat syarikat swasta); dan
 - Faridah (bekas penasihat di sebuah bank).

lahyarham Fatimah bukan saja seorang nasionalis dan tokoh yang menggerakkan sayap Umno, malah pemimpin yang bertanggungjawab meningkatkan taraf hidup serta memperjuangkan hak wanita. Katanya, Allahyarham sq tiasa mencari langkah memajukan lagi wanita berbilang kaum di negara ini.

"Beliau rakan seperjuangan dan saya pernah menjadi naib ketua kepadanya selama 12 tahun dalam Wanita Umno dan banyak menabur jasa melalui perjuangannya kepada kaum wanita," katanya.

Bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Rafidah Aziz, berkata Allahyarham ialah tokoh yang membuka ruang kepada lebih ramai wanita tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa menyertai politik serta pelbagai bidang lain.



BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Flasmah Mohd Ali menziarahi jenazah di Bukit Pantai, semalam.